

Bisnes

Dilaburkan dalam ekuiti perbadanan utama China

CIMB Principal lulus dana 300 juta unit

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD
najib.daud@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 April – CIMB-Principal hari ini melancarkan dana pelaburan baru berjumlah 300 juta unit dalam usaha merebut peluang jangkaan pertumbuhan ekonomi China yang dijangka berkembang sehingga 7.6 peratus pada suku ketiga tahun ini.

Dana Berstruktur Pemulihan China itu ditawarkan pada harga permulaan sebanyak 50 sen seunit diperkenalkan selepas pakej rangsangan ekonomi China berjumlah RM2.047 trilion (AS\$585 bilion) mula menampakkan hasilnya walaupun bergerak perlahan.

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Principal Asset Management Bhd., J.Campbell Tupling berkata, pemulihan positif mula kelihatan di China terutamanya membabitkan beberapa sektor seperti infrastruktur, perumahan, inovasi dan pendidikan serta kesihatan yang membo-

lehkan ekonomi negara itu kembali kukuh.

"Walapun Bank Dunia menjangkakan ekonomi China berkembang sebanyak 6.5 peratus dan kami yakin dengan sasaran itu berikutan beberapa kajian serta penyelidikan yang dibuat di samping keupayaan pasaran saham negara itu bertambah baik," kata beliau.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Dana Berstruktur Pemulihan China di sini hari ini.

Dana baru itu dibuka untuk langganan selama 45 hari mulai hari ini dengan pelaburan permulaan sebanyak RM10,000 dengan tempoh pelaburan selama lima tahun.

Ia akan dilaburkan di dalam beberapa ekuiti perbadanan utama yang memanfaatkan inisiatif pemulihan ekonomi China antaranya, China Construction Bank Corp., China Petroleum and Chemical Corp., Petrochina Company Ltd., China Telecom Corp Ltd. dan China Communications Construction Company

Ltd. Menurut Tupling, pulangan ke atas pelaburan itu berdasarkan kepada pencapaian indeks untuk lima tahun akan datang dan berpotensi untuk memberi pulangan sekitar enam hingga tujuh peratus setahun.

Katanya, dalam tempoh itu, 95 peratus dari nilai keseluruhan pelaburan akan dilabur dalam dana nilai aset bersih (NAV) manakala bakinya pula akan dilabur di dalam aset cair untuk tujuan mudah tunai.

"Struktur dana dan kos pelaburan yang ditawarkan adalah rendah akan menarik pelabur untuk melabur bagi memberi pulangan berdasarkan kepada risiko yang rendah serta aliran pendapatan yang konsisten," ujarnya.

Tupling menjelaskan, dana yang diperkenalkan itu menampilkan beberapa ciri utama berdasarkan kepada pemulihan ekonomi China antaranya ialah dana yang ditawarkan itu memberi perlindungan modal ke atas tempoh matangnya.



J. CAMPBELL Tupling (kiri) memotong reben sebagai tanda pelancaran Dana Berstruktur Pemulihan China sambil diperhatikan oleh Ketua Perbankan Runcit CIMB Bank, Peter England dan Ketua Pegawai Pelaburan, CIMB Principal Management Bhd., Raymond Tang (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

AirAsia luaskan operasi ke bandar raya India

BANGKOK 20 April – Syarikat penerbangan tambang murah, AirAsia, sedang melaksanakan langkah pengembangan yang besar di Asia pada tahun ini, dengan terbang ke sekurang-kurangnya enam lagi bandar raya di India, Colombo di Sri Lanka dan Taipei sama ada dari Kuala Lumpur atau Bangkok.

Menurut sumber industri, syarikat penerbangan itu dijangka memulakan laluan Kuala Lumpur-Taipei pada Jun dan



Kuala Lumpur-Colombo pada Ogos. "Lebih banyak destinasi akan ditambah, kedua-dua di India dan China sebaik sahaja pesawat baru tiba. Lebih

banyak destinasi baru akan diwujudkan dari Kuala Lumpur dan Bangkok," kata sumber itu.

Baru-baru ini, Ketua Pegawai Eksekutif Thai AirAsia Tassapon Bijleveld mengesahkan bahawa pulau perangan popular Thailand, Phuket, akan menjadi pusat kedua syarikat penerbangan di negara itu, selepas Bangkok.

Bagaimana pun, beliau enggan mendedahkan perancangan laluan berke-

naan walaupun dipercayai Hong Kong akan menjadi destinasi pertama.

Mulai September, AirAsia, yang dipilih sebagai syarikat penerbangan tambang murah terbaik oleh kumpulan perunding berpangkalan di Britain, Skytrax, dijangka terbang ke Chennai dan Hyderabad dari Bangkok sebaik Thai AirAsia menerima pesawat Airbus baru dari pengeluaran Eropahnya.

Sumber itu berkata, syarikat penerbangan jarak jauh AirAsia Bhd, AirAsia

X, kemungkinan membuka beberapa lagi laluan dari Kuala Lumpur ke India, iaitu ibu negaranya, New Delhi, hab perniagaan Mumbai, bandar raya IT Bangalore, Amritsar di Punjab dan Kochi, bandar raya kedua terbesar di Kerala.

Syarikat penerbangan itu yang telah mengiklankan jawatan pengurus stesen di tujuh bandar raya India, kini terbang dari Kuala Lumpur ke bandar raya Tiruchirappalli di Tamil Nadu sejak Disember lepas.

Minggu lepas, AirAsia X melancarkan penerbangan laluan Kuala Lumpur-Tianjin, China dan merancang terbang ke Chengdu dan Xian tidak lama lagi. Bandar raya lain yang menerima perkhidmatan AirAsia termasuk Macau, Hong Kong, Guangzhou, Shenzhen, Hangzhou, Guilin dan Haikou.

AirAsia, yang bermula dengan dua pesawat lapan tahun lepas, kini mempunyai lebih 75 pesawat dan terbang ke 65 destinasi. —BERNAMA

BERJAYA
HOTELS & RESORTS

TAMAN LINDUNGAN PULAU

LANGKAWI	3H/2M dari 418.00
BERJAYA LANGKAWI BEACH & SPA RESORT	seorang (berkembar)
REDANG	3H/2M dari 598.00
BERJAYA REDANG BEACH RESORT	seorang (berkembar)

Percutian Hebat
Mari bersantai bersama
TRAVEL MADWELC

Jiwa Realiti sasar pasaran OIC

KUALA LUMPUR 20 April – Pengeluar produk kecantikan dan makanan kesihatan, Jiwa Realiti Sdn. Bhd. (Jiwa) melangkah setapak lagi apabila mula menembusi pasaran 57 buah negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Ini merupakan satu pencapaian terbaik syarikat tersebut walaupun baru hampir sebulan ia ditubuhkan.

Presidennya, Eric Yap berkata, sehingga kini, pihaknya merancang menerokai pasaran lima buah negara dan pada akhir Mei ini, ia akan

memeterai perjanjian kerjasama di antara Jiwa Realiti dan OWT.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Noh Omar dan Pengarah Eksekutif OWT, Robert James Delaney.

Jiwa Realiti merupakan syarikat pengeluar produk kecantikan yang menggunakan 100 peratus produk halal.

Sejumlah 90 peratus produk kecantikan keluaran Jiwa Realiti adalah berasaskan sayur-sa-

Katanya, sehingga kini, terdapat beberapa syarikat yang ditawarkan untuk memasarkan produk masing-masing di bawah OWT.

"Kami mengutamakan beberapa kriteria penting sebelum membenarkan pasaran produk ke negara-negara OIC termasuk status halal," ujarnya.

